

# Rasmi, Rahim letak jawatan



■ DATUK HAJI RASHID

## Untuk menjaga kepentingan politik Pahang — Dr. Mahathir

Oleh BUSTAMAM AHMAD

■ HAJI RAHIM

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Haji Abdul Rahim Abu Bakar dengan rasminya meletakkan jawatan Menteri Besar Pahang. Ahli Exco Kanan, Datuk Haji Abdul Rashid Rahman mengambil alih. Beliau akan mengangkat sumpah menjadi Menteri Besar Pahang yang baru, beberapa hari lagi.

Haji Abdul Rahim, bagaimanapun, kekal menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Besar. Beliau akan bercuti tiga bulan dan akan berkursus di Amerika Syarikat, tidak lama lagi, atas blaisiswa Kerajaan Persekutuan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikiani selepas memengeruskan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu pejabat UMNO, di sini berkata:

"Sebab perletakan jawatan Haji Abdul Rahim sebagai Menteri Besar Pahang ialah untuk menjaga kepentingan politik Pahang. Saya tidak berhasrat membuat ulasan lanjut mengenainya.

"Saya tidak bersejuga dikatakan terdapat pengaruh istana terhadap politik Pahang.

"UMNO Malaysia juga tidak bercadang menamatkan kedudukan rasmi perkara ini. Pemimpin-pemimpin politik Pahang telah menyerahkan perkara ini kepada saya dan inilah keputusan saya."

Pengumuman rasmi Perdana Menteri ini dengan sendirinya menamatkan berbagai spekulasi mengenai kedudukan Haji Abdul Rahim, di samping mengesahkan dua perkara utama mengenai krisis politik Pahang, yang bermula sejak perletakan Haji Abdul Rahim sebagai Menteri Besar dalam tahun 1978. Pertama, jawatan

perletakan Datuk Haji Abdul Rashid menjadi Menteri Besar yang baru dan kedua, pemergian Haji Abdul Rahim ke Amerika Syarikat untuk tiga bulan berkursus.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, Haji Abdul Rahim juga, tidak lama lagi, akan melepaskan jawatan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pahang. Penggantinya akan diumumkan kelak.

Menurutnya, beliau telah mengemukakan nama Datuk Haji Abdul Rashid sebagai pengganti Haji Abdul Rahim kepada Yang di-Pertuan Agong, yang juga Sultan Pahang, minggu lalu dan Seri Paduka Baginda telah memperkenankannya.

Ditanya sama ada beliau telah berunding dengan pihak tertentu sebelum memutuskan perletakan Datuk Haji Abdul Rashid sebagai Menteri Besar yang baru, Perdana Menteri berkata:

U n t u k menyelesaikan krisis politik di Pahang, adalah menjadi amalan biasa

saya berbincang dengan Sultan dan Pemangku Raja Pahang."

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, beliau puas hati dengan prestasi Haji Abdul Rahim sejak menjadi Menteri Besar sehingga perletakan jawatannya.

Ditanya sama ada Kerajaan Persekutuan akan menawarkan sebarang jawatan kepada Haji Abdul Rahim sekembalinya dari berkursus nanti, Perdana Menteri menjawab: "Haji Abdul Rahim akan meneruskan tugasnya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, kedudukannya di masa depan akan ditentukan kemudian, bila tiba masanya."

Menurut beliau, susunan Ahli Exco Kerajaan Negeri Pahang tidak berubah.

Hadir sama dalam sidang akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam dan Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia